

## Penilaian Kemahiran Interaksi Lisan Melalui Ujian e-Lisan Lembaga Peperiksaan dan Penilaian Singapura (SEAB)

### Assessment of Spoken Interaction Skills through e-Oral Tests Singapore Examinations and Assessment Board (SEAB)

TOO JYE YUIN, HAFIZA ASEKEN & SITI ZAHARA SUKAIMI

#### *ABSTRAK*

*Makalah ini mengongsi dapatan utama penggunaan ujian lisan untuk menilai kemahiran interaksi lisan di peringkat primari di sekolah-sekolah Singapura. Ujian lisan tersebut tertumpu pada komponen perbualan, iaitu komponen yang memerlukan kedua-dua pemeriksa dan murid melibatkan diri dalam perbualan interaktif. Ujian lisan tersebut turut memanfaatkan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) dengan menggunakan klip video pendek sebagai rangsangan. Reka bentuk dan kriteria penilaian ujian e-Lisan telah diteliti untuk memastikan adanya penajaran dengan konstruk interaksi lisan. Ujian lapangan telah dijalankan terlebih dahulu untuk mengenal pasti kebolehcapaian ujian e-Lisan serta kebolehbandingannya dengan ujian lisan yang sedia ada, iaitu ujian yang menggunakan gambar sebagai rangsangan. Sesi-sesi latihan turut dijalankan untuk memastikan kedua-dua pemeriksa dan murid terbiasa dengan format ujian e-Lisan. Maklum balas daripada murid-murid dan guru-guru dikumpulkan untuk menilai kesan dan impak ujian e-Lisan berdasarkan komputer serta kesediaan murid-murid menjalani dan guru-guru menjalankan ujian e-Lisan berdasarkan komputer. Pada umumnya, murid-murid dan guru-guru melaporkan bahawa mereka meraih pengalaman yang positif.*

*Kata kunci:* Ujian lisan; kemahiran interaksi lisan; video sebagai rangsangan; e-Lisan; sesi latihan

#### *ABSTRACT*

This paper shares key findings of using an oral test to assess spoken interaction skills at the primary level in Singapore schools. The oral test focuses on the conversation component which requires both testers and test takers to engage in an interactive conversation. The oral test also harnesses the benefits of Information and Communication Technology (ICT) by using a short video clip as the test stimulus. The design and the assessment criteria of the e-Oral test were examined to ensure alignment to the construct of spoken interaction. A field test was first carried out to find out the accessibility of e-Oral tests by the test takers and the comparability with the existing oral test using a picture as a stimulus. Practice sessions were also administered to ensure both testers and test takers are familiar with the e-Oral test format. Students' and teachers' feedback were gathered to evaluate the effects, impact and their readiness of such computer-based e-Oral tests. Generally, students and teachers reported positive experiences.

*Keywords:* Oral test; spoken interaction skills; video as stimulus; e-Oral; practice session

#### PENDAHULUAN

Dalam persekitaran yang telah mengalami globalisasi, kecekapan dan kebolehan untuk berkomunikasi secara efektif dalam Bahasa Ibunda (MTL – Mother Tongue Languages (MTL) merujuk kepada Bahasa Cina, Bahasa Melayu dan Bahasa Tamil, tiga bahasa rasmi Singapura, selain daripada Bahasa Inggeris) akan memberi masyarakat Singapura kelebihan bersaing. Bagi membolehkan murid-murid berkomunikasi secara

berkesan dengan khalayak dalam situasi kehidupan sebenar, kurikulum MTL memberikan penekanan yang berat terhadap kemahiran interaksi lisan, di samping kemahiran bertutur yang asas. Sejajar dengan kurikulum, peperiksaan lisan MTL yang menguji kemahiran interaksi lisan dihasilkan. Kajian ini meneliti pelbagai aspek pembentukan ujian yang sesuai dan mampu memperoleh faedah daripada penggunaan ICT untuk menilai kemahiran interaksi lisan murid-murid sekolah primari (Gred 5-6).

## SOROTAN KAJIAN

Konsep kemahiran interaksi lisan diperoleh daripada *The Common European Framework of Reference on Languages* (CEFR). Dalam penilaian kemahiran interaksi lisan, kedua-dua pemeriksa dan murid terlibat secara aktif dalam pertukaran idea semasa ujian lisan. Perbualan tersebut bersifat resiprokal. Konsep ini disokong oleh Bachman (1990) yang mentakrifkan kompeten komunikatif sebagai kecekapan dan keupayaan untuk menggunakan ilmu dalam persekitaran komunikatif yang sebenarnya secara sesuai, yang sebahagian besarnya ditentukan oleh konteks. Beliau menjelaskan bahawa bahasa seharusnya digunakan untuk tujuan mencapai matlamat komunikatif tertentu dalam konteks situasi komunikasi yang spesifik. Konteks situasi yang spesifik merujuk kepada konteks autentik yang berkaitan dengan pengalaman kehidupan sebenar. Bagi pemeriksa, persoalan dalam penilaian kemahiran interaksi lisan adalah: bagaimanakah konteks autentik harus dikemukakan?

Bertutur merupakan kemahiran memberikan respons. Oleh sebab itu, input atau rangsangan diperlukan untuk memulakan perbualan. Secara ideal, rangsangan tersebut harus mempunyai konteks yang autentik untuk mencetuskan pertukaran idea. Douglas (2010) menyokong penggunaan multimedia sebagai rangsangan dalam ujian lisan kerana penggunaan multimedia mampu merangsang banyak situasi bagi penggunaan bahasa komunikatif, menjadikan ujian seperti ini lebih autentik. Menurut Parshall & Harmes (2007), rasional bagi penggunaan multimedia sebagai rangsangan ujian ialah multimedia mampu mempamerkan proses dinamik seperti pergerakan dan interaksi sesama manusia dengan lebih berkesan. Selain mempamerkan proses dinamik, rangsangan yang menggunakan audio akan menimbulkan kesan afektif yang lebih positif ke atas murid-murid. Lewis-Hodgson (2017) mendedahkan bahawa muzik mampu mengurangkan keresahan sebanyak 65%. Kajian turut membuktikan bahawa sebanyak 83% pengetahuan yang kita peroleh dengan melihat dan 11% yang kita peroleh dengan mendengar akan kekal dalam ingatan (Stolovitch & Keeps 2011). Penggunaan multimedia dalam ujian lisan mampu memanfaatkan faedah-faedah ini.

Penilaian lisan yang menggunakan platform elektronik dan diistilahkan sebagai e-Lisan dalam konteks Singapura menggunakan komputer untuk menyampaikan bahan ujian dan merakamkan markah. Sokongan logistik yang diperlukan dalam

proses penilaian lisan dan risiko keselamatan berkurang memandangkan topik dan rangsangan bagi peperiksaan lisan tidak lagi perlu dicetak dan dihantar ke pusat peperiksaan. Penilaian oleh pengadar manusia dikekalkan meskipun terdapat peningkatan dalam penggunaan pengadar automatik bagi penilaian lisan sejak kebelakangan ini. Elder & Iwashita (2005) menyatakan bahawa pengambil ujian mungkin tidak bermotivasi untuk berusaha bagi menunjukkan prestasi yang lebih baik apabila seseorang interlokutor (pemeriksa) tidak hadir. Oleh sebab itu, dalam perbualan interaktif, pengadar manusia yang berperanan sebagai pihak yang resiprokal penting untuk menjadikan tugas lisan tersebut autentik. Bagi menilai kemahiran bertutur, ciri-ciri seperti sebutan, intonasi dan pengembangan idea perlu dinilai, dan sistem penilaian automatik, sehingga kini, tidak mampu melakukan penilaian tersebut pada tahap yang sama seperti pengadar manusia; malah, pengadar automatik tidak mampu menilai isi, kepaduan dan logik sepertimana yang mampu dilakukan oleh manusia.

## KONSTRUK BAGI UJIAN e-Lisan

Sebagaimana yang dinyatakan dalam CEFR, “dalam aktiviti interaktif, pengguna bahasa berperanan sebagai penutur dan pendengar secara bergantian dengan seorang atau lebih daripada seorang interlokutor untuk sama-sama membentuk wacana perbualan, melalui perundingan maksud mengikut prinsip koperatif” (Council of Europe 2001:73). Reka bentuk ujian e-Lisan mengukur kemahiran interaksi lisan.

## RANGSANGAN UJIAN e-Lisan

Bagi menilai kemahiran interaksi lisan, rangsangan yang dipilih seharusnya menyertakan aspek-aspek situasi penggunaan bahasa komunikatif dalam pelbagai cara (Douglas 2010). Video yang kaya dengan output visual dan audio dipilih sebagai rangsangan untuk perbualan interaktif antara murid dengan pemeriksa. Muzik latar yang digunakan dalam video dapat mengurangkan keresahan murid. Output visual dan audio (penceritaan pendek untuk menyerlahkan kata kunci) dalam video membantu untuk merangka konteks bagi perbualan. Isi video yang dipaparkan mempunyai kaitan dengan pengalaman kehidupan sebenar murid sekolah primari.



RAJAH 1. Reka Bentuk Ujian e-Lisan  
Sumber: Lembaga Peperiksaan dan Penilaian Singapura (SEAB)

Rajah 1 menunjukkan cara perbualan interaktif tercapai melalui ujian e-Lisan. Perbualan antara murid dengan pemeriksa dicetuskan oleh klip video pendek. Murid dirangsang oleh pemeriksa untuk berbual secara ringkas tentang idea utama dalam video (rangsangan 1). Perbualan berlanjutan dengan murid dan pemeriksa berbual secara berganti-ganti. Kemudian, pemeriksa akan meneruskan perbualan dengan mengajukan rangsangan 2 dan murid dikehendaki untuk memberikan respons peribadi terhadap fokus lain yang berkaitan dengan tema video dan seperti sebelumnya, perbualan berlanjutan dengan kedua-dua pihak berbual secara berganti-ganti untuk memastikan berlakunya perbualan yang interaktif. Bagi memastikan perbualan bersifat interaktif, pemeriksa dikehendaki untuk melibatkan diri secara aktif dalam perbualan. Perbualan secara berganti-ganti oleh kedua-dua pihak berlaku selepas setiap rangsangan diajukan. Soalan “turn-taking”, iaitu soalan yang diajukan untuk mewujudkan perbualan yang resiprokal

berbeza daripada rangsangan yang menentukan fokus perbualan; soalan “turn-taking” berkait rapat dengan respons murid semasa perbualan tersebut. Perbualan secara berganti-ganti ini memastikan perbualan dapat dikekalkan di samping merangsang murid agar berfikir dengan lebih mendalam. Dalam perbualan tersebut, kedua-dua murid dan pemeriksa berganti-ganti memainkan peranan sebagai penutur dan pendengar.

#### RUBRIK PEMARKAHAN BAGI UJIAN E-LISAN

Dalam penilaian kemahiran interaksi lisan, selain menilai penggunaan bahasa (sebutan, intonasi dan kosa kata), respons peribadi murid dan pengembangan idea turut dinilai. Keupayaan murid untuk berinteraksi dengan baik dengan pemeriksa turut diambil kira. Jadual 1 menunjukkan rubrik pemarkahan bagi ujian e-Lisan.

JADUAL 1. Rubrik Pemarkahan bagi Komponen Perbualan Interaktif E-Lisan

Jalur	1	2	3	4	5
Julat Markah	13 – 15	10 – 12	7 – 9	4 – 6	1 – 3
<b>Respons Peribadi dan Pengembangan Idea (15 Markah)</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>memerlukan bantuan yang minimal</li> <li>mampu memberikan respons yang komprehensif berserta pengembangan yang cukup</li> <li>melibatkan diri dalam perbualan dan bertukar-tukar idea secara konsisten</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>sekali-sekala memerlukan bantuan</li> <li>mampu memberikan respons yang cukup berserta sedikit pengembangan</li> <li>kebanyakannya masa, melibatkan diri dalam perbualan dan bertukar-tukar idea</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>sering memerlukan bantuan</li> <li>mampu memberikan respons yang cukup berserta sedikit pengembangan</li> <li>sekali-sekala, melibatkan diri dalam perbualan dan bertukar-tukar idea</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>sentiasa memerlukan bantuan</li> <li>mampu memberikan sedikit respons tanpa pengembangan</li> <li>hampir tidak mampu melibatkan diri dalam perbualan dan bertukar-tukar idea</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>sentiasa memerlukan bantuan</li> <li>hampir tidak mampu memberikan respons</li> <li>tidak mampu melibatkan diri dalam perbualan dan bertukar-tukar idea</li> </ul>
<b>Penggunaan Bahasa dan Kelancaran (15 Markah)</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>menggunakan pelbagai kosa kata yang sesuai; kepelbagaiannya kosa kata mencukupi</li> <li>mampu bertutur dengan lancar dan jelas</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>kebanyakannya masa, menggunakan pelbagai kosa kata yang sesuai; kepelbagaiannya kosa kata mencukupi</li> <li>pada umumnya, mampu bertutur dengan lancar dan jelas tetapi menggunakan pernyataan yang mudah-mudah</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>menggunakan kosa kata asas yang kadangkala tidak sesuai</li> <li>pada umumnya, mampu bertutur dengan lancar dan jelas tetapi menggunakan pernyataan yang mudah-mudah</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>kebanyakannya masa, menggunakan kosa kata asas yang tidak sesuai</li> <li>tidak mampu bertutur dengan jelas, teragak-agak ketika bertutur, berjeda agak lama di tempat yang tidak sesuai beberapa kali</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>menggunakan kosa kata yang amat terbatas hampir pada setiap masa</li> <li>tidak mampu bertutur dengan jelas, teragak-agak ketika bertutur, berjeda agak lama di tempat yang tidak sesuai beberapa kali</li> </ul>

Sumber: Lembaga Peperiksaan dan Penilaian Singapura (SEAB)

## METODOLOGI


Dalam kajian ini, ujian lapangan dijalankan terlebih dahulu untuk menentukan kebolehcapaian ujian e-Lisan oleh murid-murid dan persepsi mereka didokumentasikan. Bagi memastikan murid-murid terbiasa dengan format ujian lisan yang baharu ini, dua sesi latihan telah dijalankan dalam jangka masa dua tahun untuk memantau kemajuan kumpulan murid yang sama, dari Primari 5 hingga ke Primari 6. Maklum balas murid-murid dan guru-guru dikumpulkan untuk menilai kesan dan impak penggunaan video sebagai rangsangan ujian e-Lisan, serta kesediaan mereka sebelum peperiksaan e-Lisan berdasarkan komputer dilaksanakan dalam peperiksaan-peperiksaan yang berkepentingan tinggi.

### UJIAN LAPANGAN UNTUK MENENTUKAN KEBOLEHCAPAIAN UJIAN e-Lisan

Ujian lapangan tersebut telah dijalankan terhadap kumpulan seramai 125 murid Primari 6 dari lapan buah sekolah pada tahun 2014 untuk menentukan kebolehcapaian ujian e-Lisan yang menggunakan video sebagai rangsangan ujian. Murid-murid tidak mempunyai pengalaman terdahulu dalam penggunaan video sebagai rangsangan dalam ujian

lisan; mereka sudah terbiasa dengan ujian lisan berdasarkan kertas yang menggunakan gambar statik sebagai rangsangan. Keputusan ujian e-Lisan telah dibandingkan dengan ujian lisan berdasarkan kertas. Ujian e-Lisan tersebut mempunyai min skor sebanyak 19.8 dan sisihan piawai sebanyak 5.7 manakala min skor bagi ujian berdasarkan kertas adalah sebanyak 22.3 dan sisihan piawai sebanyak 3.6; kedua-dua keputusan tersebut sebanding.

Tinjauan persepsi yang menggunakan skala 4-point Likert (skala 4-point Likert: 1-Sangat Bersetuju (SA) 2-Bersetuju (A) 3-Tidak Bersetuju (D) 4-Sangat Tidak Bersetuju (SD)) telah dijalankan ke atas murid-murid untuk mengumpulkan maklum balas tentang format e-Lisan. Respons murid-murid sebahagian besarnya positif; 89% bersetuju bahawa senario yang dipaparkan dalam video autentik dan bukan sesuatu yang asing bagi mereka. Lebih kurang 85% mendapati video tersebut membantu mereka dalam perbualan dengan pemeriksa lisan, dan lebih kurang 88% mendapati penggunaan klip video sebagai rangsangan lebih menarik daripada gambar dan menggalakkan mereka untuk lebih banyak berbual. Kebanyakan calon mendapati jangka masa video (lebih kurang satu minit) sesuai. Kebanyakan daripada mereka dapat menonton video tersebut beberapa kali sepanjang masa persiapan 10 minit yang diberikan.



RAJAH 2. Keputusan Tinjauan bagi Ujian Lapangan 2014  
Sumber: Lembaga Peperiksaan dan Penilaian Singapura (SEAB)

Berdasarkan wawancara yang dijalankan, murid-murid menyatakan bahawa mereka suka akan rangsangan video kerana rangsangan video menyediakan konteks yang autentik bagi perbualan. Mereka menekankan bahawa babak-babak dalam video menunjukkan pergerakan dan ekspresi wajah watak-watak, menjadikan video tersebut menarik dan menghiburkan. Secara keseluruhan, murid-murid memberikan maklum balas yang menggalakkan tentang penggunaan video dalam ujian lisan. 93%

murid melaporkan bahawa mereka menyukai atau menikmati pengalaman menyeluruh menggunakan komputer bagi ujian lisan. Para pemeriksa turut memberikan maklum balas yang baik terhadap ujian e-Lisan. Mereka memberikan komen bahawa berbanding dengan gambar yang statik, rangsangan video menyediakan konteks yang menggalakkan lebih banyak pelibatan dan memudahkan interaksi lisan dan perbincangan.


## SESI LATIHAN

Oleh sebab e-Lisan merupakan perubahan yang signifikan bagi murid-murid, Sesi Latihan (PS) telah dijalankan ke atas murid-murid Primari 5 pada Oktober 2016 dan kumpulan murid yang sama pada April 2017, sebelum peperiksaan berkepentingan tinggi pada hujung tahun 2017. Sesi Latihan ini bertujuan untuk membiasakan murid-murid dengan format ujian e-Lisan. Prestasi 2,049 murid yang terlibat dalam Sesi Latihan dikesan dan tinjauan persepsi turut dijalankan untuk mengumpulkan maklum balas daripada mereka. Jadual 2

menunjukkan prestasi murid-murid dalam Sesi Latihan dari tahun 2016 hingga 2017. Markah min yang diperoleh sebanding, dalam lingkungan antara 71% hingga 74% daripada markah total. Hal ini menunjukkan bahawa pada umumnya, murid-murid tidak menghadapi masalah dan prestasi mereka meningkat setelah mereka lebih terbiasa dengan format e-Lisan. Prestasi murid-murid di jalur yang berbeza-beza turut dikesan. Dalam jangka masa dua tahun, prestasi mereka meningkat seperti yang dipaparkan dalam Rajah 3, terutama dalam Jalur 1, dengan seramai 121 (6%) murid bergerak daripada jalur-jalur lain ke Jalur 1.

JADUAL 2. Prestasi Murid-murid dalam Sesi Latihan pada Tahun 2016 dan 2017

2016			2017		
Sesi Latihan 1 (Primari 5)			Sesi Latihan 2 (Primari 6)		
N	Mean	SD	N	Mean	SD
2,049	21.3	5.2	2,049	22.1	5.1



RAJAH 3. Prestasi semasa Sesi Latihan pada tahun 2016 dan 2017

Sumber: Lembaga Peperiksaan dan Penilaian Singapura (SEAB)

## MAKLUM BALAS DARIPADA MURID-MURID DAN PARA PEMERIKSA

Tinjauan persepsi yang menggunakan skala 4-point Likert telah dijalankan terhadap murid-murid yang terlibat dalam Sesi Latihan dari tahun 2016 hingga 2017. Murid-murid yang terpilih telah diwawancara selepas ujian tersebut, untuk mendapatkan persepsi mereka terhadap e-Lisan. Rajah 4 menunjukkan keputusan bagi 2 tinjauan persepsi yang dijalankan pada tahun 2016 dan 2017. Pada umumnya, murid-murid memberikan respons yang baik terhadap penggunaan video sebagai rangsangan lisan dalam ujian e-Lisan. Pada tahun 2017, 79% murid

berpendapat bahawa klip video menjadikan ujian lisan lebih menarik dan menggalakkan pelibatan mereka dalam perbualan berbanding dengan 69% murid pada tahun 2016. Berbanding dengan tahun 2016 (75%), pada tahun 2017, lebih ramai murid (86%) melaporkan bahawa rangsangan video membantu mereka dalam perbualan dengan pemeriksa. Tujuan video diperkenalkan sebagai rangsangan dalam ujian lisan adalah untuk menyediakan konteks yang lebih autentik dan menggalakkan lebih banyak pelibatan dalam perbualan lisan. Secara keseluruhan, murid-murid memberikan maklum balas yang menggalakkan

terhadap penggunaan video dalam penilaian lisan – 93% daripada murid melaporkan bahawa

mereka berasa seronok atau menyukai pengalaman menggunakan komputer semasa peperiksaan lisan.




RAJAH 4. Keputusan Tinjauan Persepsi Pengambil Ujian 2016-2017

Sumber: Lembaga Peperiksaan dan Penilaian Singapura (SEAB)

Dari segi Min Indeks Pengadaran (MRI), Rajah 5 menunjukkan bahawa pada tahun 2017, pada

umumnya, murid-murid memberikan penilaian yang lebih positif berbanding dengan tahun 2016.




RAJAH 5. Min Indeks Pengadaran bagi Tinjauan Tahun 2016 dan 2017

Sumber: Lembaga Peperiksaan dan Penilaian Singapura (SEAB)

Perbincangan kumpulan berfokus (FGD – *Focus Group Discussion*) turut dijalankan ke atas sampel murid. Dalam FGD tersebut, maklum balas murid-murid dirakamkan dalam bentuk “Peta Perjalanan”, iaitu “Journey Map”. Murid-murid menggambarkan perasaan mereka sebelum, semasa dan sesudah menduduki ujian lisan (Sesi Latihan). Dalam peta perjalanan tersebut, kebanyakan murid menyuarakan kebimbangan kerana itulah kali pertama mereka menduduki ujian e-Lisan. Semasa ujian, mereka bimbang atau resah kerana tidak pasti akan perkara yang boleh dijangkakan, tidak seperti

ujian lisan berdasarkan kertas yang menggunakan gambar. Selepas menduduki ujian, keresahan beberapa orang murid reda kerana mereka berupaya melibatkan diri dalam perbualan dengan pemeriksa dan kebanyakan daripada mereka merasakan bahawa mereka memerlukan lebih banyak sesi latihan untuk meningkatkan keyakinan diri dalam ujian e-Lisan. FGD tersebut turut menunjukkan bahawa kurangnya persiapan berkemungkinan besar telah menyebabkan timbulnya keresahan dalam kalangan beberapa orang murid. Rajah 6 menunjukkan sampel peta perjalanan murid.




RAJAH 6. Peta Perjalanan Murid  
Sumber: Lembaga Peperiksaan dan Penilaian Singapura (SEAB)

#### MAKLUM BALAS DARIPADA PEMERIKSA

Tinjauan tersebut terdiri daripada 13 item; 10 soalan yang menggunakan skala 4-point Likert dan 3 soalan respons bebas telah dijalankan ke atas 247

pemeriksa yang telah menjalankan ujian e-Lisan pada tahun 2017. Daripada 13 item tersebut, Soalan 4, Soalan 5, Soalan 6, Soalan 7, Soalan 8 dan Soalan 10 berkaitan dengan komponen perbualan interaktif yang menggunakan video sebagai rangsangan.



RAJAH 7. Keputusan Tinjauan Pemeriksa pada Tahun 2017  
Sumber: Lembaga Peperiksaan dan Penilaian Singapura (SEAB)

Pada umumnya, 96% pemeriksa melalui pengalaman yang positif semasa menjalankan ujian e-Lisan. 96% pemeriksa merasakan bahawa rangsangan video dapat membantu untuk memudahkan perbualan lisan antara murid-murid dengan pemeriksa. Lebih daripada 90% pemeriksa turut merasakan bahawa video menjadikan perbualan lebih menarik dan menggalakkan murid untuk melibatkan diri dalam perbualan serta membantu untuk memberikan impak yang positif dalam pemerolehan kemahiran komunikasi lisan. Dapatan ini menunjukkan kesesuaian video sebagai rangsangan untuk penilaian e-Lisan yang menilai kemahiran interaksi lisan.

Apabila ditanya tentang faedah yang diraih oleh murid-murid dalam ujian e-Lisan, 78% pemeriksa memberikan komen bahawa konteks video yang autentik dengan mudah dapat melibatkan kedua-dua pihak dalam perbualan interaktif. Perbualan

interaktif merangsang pemikiran murid-murid kerana mereka dikehendaki untuk mengaitkan video tersebut dengan pengalaman diri sendiri dalam perbualan tersebut. Tinjauan menunjukkan bahawa para pemeriksa mendapati penilaian tersebut lebih holistik dan murid-murid lebih spontan dalam ujian e-Lisan berbanding dengan ujian lisan yang menggunakan rangsangan gambar. Mereka turut memberikan komen bahawa e-Lisan yang bersifat interaktif ini menghalang murid-murid daripada memuntahkan kembali frasa-frasa yang telah dihafal oleh mereka terlebih dahulu.

Berikut ialah komen daripada para pemeriksa:

“Murid-murid lebih selesa dan dapat menjalin hubungan mata dengan pemeriksa lisan apabila mereka berinteraksi dengan pemeriksa lisan. Hal ini berbeza semasa rangsangan gambar digunakan. Murid-murid memberikan fokus kepada gambar di hadapan mereka sepanjang perbualan dengan pemeriksa

lisan. Sekali-sekala, mereka akan menuduhkan jari ke arah gambar tersebut sambil menceritakan peristiwa-peristiwa yang dipaparkan.”

“Murid-murid tidak boleh setakat menghafal isi-isi yang ingin disampaikan dan mengharapkan markah yang tinggi. Sebaliknya, mereka harus berbual dengan baik untuk mendapatkan markah. e-Lisan dapat menguji kemahiran murid-murid bertutur dengan lebih baik.”

“Penilaian yang menggunakan e-Lisan lebih holistik. Penilaian ini dapat menguji kemahiran lisan murid-murid dengan lebih baik. Rangsangan-rangsangan yang digunakan berkaitan dengan pengalaman harian murid-murid dan mereka dapat melihat sendiri keperluan menggunakan bahasa Melayu dalam perbualan harian.”

Tinjauan tersebut turut mendedahkan bahawa ramai pemeriksa (33%) tidak yakin akan cara untuk mengajukan soalan “turn-taking” dalam perbualan interaktif. Isu ini sudah pun dileraikan dan akan terus dileraikan dalam kursus-kursus yang dijalankan untuk memastikan penilaian interaksi lisan sesuai dan tepat.

## KESIMPULAN

Kajian tentang Penilaian Kemahiran Interaksi Lisan melalui ujian e-Lisan mendedahkan bahawa video merupakan rangsangan yang sesuai dan efektif untuk menyediakan konteks yang autentik dalam ujian e-Lisan. Para pemeriksa lebih sedar akan tujuan menggunakan video dalam ujian e-Lisan dan murid-murid dinilai berdasarkan keupayaan mereka melibatkan diri dalam perbualan yang interaktif. Bagi mewujudkan kesan “washback” yang “positif”

Too Jye Yuin  
Lembaga Peperiksaan dan Penilaian Singapura  
(SEAB)  
E-mel: too\_jye\_uin@seab.gov.sg

Hafiza Aseken  
Lembaga Peperiksaan dan Penilaian Singapura  
(SEAB)  
E-mel: hafiza\_aseken@seab.gov.sg

Siti Zahara Sukaimi  
Lembaga Peperiksaan dan Penilaian Singapura  
(SEAB)  
E-mel: siti\_zahara\_sukaimi@seab.gov.sg

Diserahkan: 15 November 2020  
Diterima: 22 April 2021

terhadap pengajaran dan pembelajaran, pemeriksa harus memahami dengan sepenuhnya konstruk ujian e-Lisan, iaitu penilaian kemahiran interaksi lisan. Pemeriksa perlu memahami teori asas ujian e-Lisan dan mempelajari cara untuk memainkan peranan tumbal-balik untuk menggalakkan perbualan interaktif. Pemeriksa harus dilatih agar mereka dapat mengajukan soalan “turn-taking” yang sesuai untuk mengekalkan perbualan. Pengadar manusia tetap dikekalkan dalam ujian e-Lisan yang berasaskan komputer untuk memastikan perbualan berlangsung secara spontan dan berganti-ganti.

## RUJUKAN

- Bachman L. 1990. *Fundamental Considerations in Language Testing*. Oxford: Oxford University Press.
- Douglas, D. 2010. *Understanding Language Testing*. London, England: Hodder Education.
- Elder, C, & Iwashita, N. 2005. Planning for test performance: Does it make a difference? In Ellis, R (Ed.), *Planning and Task Performance in a Second Language*. Amsterdam: John Benjamins.
- Lewis-Hodgson, D. 2017. Research Figures Out the Most Effective Song to Combat Anxiety. Retrieved from <https://mindlab.co.uk>
- Stolovitch, H. & Keeps, E. 2011. *Telling Ain't Training: Updated, Expanded, Enhanced* (2nd Ed.). Alexandria, VA, United States: ASTD Press.
- The Common European Framework of Reference for Languages: Learning, Teaching, Assessment 2001. Council of Europe.
- Parshall, C.G. & Harmes, J.C. 2007. Designing templates based on a taxonomy of innovative items. In D. J. Weiss (Ed.). *Proceedings of the 2007 GMAC Conference on Computerized Adaptive Testing*.